



Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Department of Mineral and Geoscience Malaysia

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DALAM GEOSAINS

JMG.GP.22



Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Ministry of Water, Land and Natural Resources

Garis panduan ini boleh diperolehi daripada:

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

Aras 9, Menara PjH,
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 2, 62100 PUTRAJAYA.

Telefon : (+603) 88716000
Faks : (+603) 88716145/46
<https://www.jmg.gov.my>

Harga: RM50.00





JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
Department of Mineral and Geoscience Malaysia

GARIS PANDUAN
**PELAKSANAAN SISTEM
MAKLUMAT GEOGRAFI
(GIS) DALAM GEOSAINS**

JMG.GP.22

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
Ministry of Water, Land and Natural Resources

PRAKATA

Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan sistem pengurusan maklumat berkomputer yang berfungsi untuk tujuan penyimpanan, pengolahan, penganalisaan dan pengeluaran maklumat geospatial. Garis panduan ini diterbitkan sebagai dokumen rujukan supaya pelaksanaan GIS dapat dilakukan secara sistematik ke arah pengurusan maklumat geospatial yang berkesan.

Adalah diharapkan garis panduan ini, dapat meningkatkan tahap kemahiran kakitangan JMG dalam aplikasi GIS dan kartografi.

Daya usaha kumpulan kerja dalam menyediakan garis panduan ini amat disanjung tinggi. Ini adalah sumbangan yang berharga dan bermakna demi mencapai visi, misi dan pelan strategik JMG.

DATUK HJ. SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI

Ketua Pengarah

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Oktober 2017

KANDUNGAN

Muka surat

PRAKATA	iii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	vii

1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Objektif	1
1.2 Skop	1
1.3 Terminologi dan Definisi	1
1.3.1 Data Geospatial	1
1.3.2 Dataset	1
1.3.3 Fitur (<i>Feature</i>)	1
1.4 Atribut (<i>Attribute</i>)	2
2.0 KONVENSYEN PENAMAAN FAIL DAN KUALITI DATA GEOSPATIAL	3
2.1 Penamaan fail secara sistematik	3
2.2.1 Elemen Kualiti Data	4
2.2.2 Proses Suntingan Data	6
2.2.3 Topologi	6
3.0 JENIS-JENIS DATA	8
3.1 Data Asas	8
3.2 Data Jabatan	8
4.0 KELAS FITUR (TITIK, GARIS, POLIGON)	10
4.1 Penggunaan Lazim Kelas Fitur mengikut Jenis Fitur Mineral dan Geosains	10
5.0 FORMAT DATA	12
5.1 Data Vektor	12
5.2 Data Raster	12

5.2.1	Perisian rasmi GIS ArcGIS	13
5.2.2	Perisian rasmi Penderiaan Jauh ERDAS dan ENVI	13
5.2.3	Format Data Akhir / GIS-Ready (untuk tujuan perkongsian)	13
5.3	Data Berjadual / Tabular	13
6.0	SISTEM RUJUKAN KOORDINAT	16
6.1	Penetapan Datum	16
6.2	Sistem Koordinat Geografik Latitud dan Longitud (Lat / Lon)	16
6.2.1	Lat / Lon (Datum Kertau 1948)	17
6.2.2	Lat / Lon (Datum Timbalai 1948)	17
6.3	Sistem Koordinat Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (<i>Rectified Skew Orthomorphic – RSO</i>) Meter	18
6.4	Malaysia State Cassini	19
6.5	GDM 2000	20
6.5.1	GDM Meter (Datum GDM 2000)	20
6.6	Sistem Koordinat yang lazim digunakan dalam Penawanan Data	20
6.7	Penukargantian Sistem Koordinat	20
7.0	PEMATUHAN TERHADAP NORMA RUJUKAN(GEONAMES, METADATA DAN MS1759)	21
7.1	Pematuhan Standard Nama Geografi (Geonames)	21
7.2	Pematuhan Metadata (MS ISO 19115)	21
7.3	Pematuhan <i>Malaysia Standard For Geographic Information / Geomatic – Feature and Attribute Codes</i> (MS1759)	21
8.0	PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN DATA	22
8.1	Perkongsian Dalaman	22
8.2	Penyebaran Luaran	22
8.3	Verifikasi Data	23
8.4	Keselamatan Data	23

8.5	Prosedur dan Kadar Caj Harga Data	24
9.0	PENYIMPANAN DATA	25
10.0	SENARAI RUJUKAN DAN PEKELILING YANG BERKAITAN	26
	BIBLIOGRAFI	27
	PENGHARGAAN	40

SENARAI RAJAH

Rajah 1	:	<i>Data-entry spatial error</i>	5
Rajah 2	:	<i>Data-entry attribute errors</i>	6
Rajah 3	:	Jenis-jenis topologi	7
Rajah 4	:	Contoh peraturan-peraturan topologi	7
Rajah 5	:	<i>Topology error</i>	8
Rajah 6	:	Contoh data model Mineral Berlogam	8
Rajah 7	:	Contoh data model Mineral Perindustrian	9
Rajah 8	:	Contoh data model Telaga Tiub	9
Rajah 9	:	Contoh data model lokasi Geobencana	9
Rajah 10	:	Fitur vektor	11
Rajah 11	:	<i>Accuracy and precision</i>	11
Rajah 12	:	<i>Comparing spatial data representation</i>	15
Rajah 13	:	Contoh Penyusunan Data Spatial Mengikut <i>Folder</i> dalam ruang simpanan	25

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	:	Susunan Lapisan GIS Dalam Peta	28
LAMPIRAN 2	:	Carta Alir Proses Perkongsian Data Spatial Secara Dalaman	29
LAMPIRAN 3	:	Carta Alir Proses Penyebaran Data Geospatial Secara Luaran	30
LAMPIRAN 4	:	Penamaan Fail Lapisan Data (Fitur) Dalam Penjanaan Peta GIS	31
LAMPIRAN 5	:	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2011; Prosedur Perkongsian Dokumen Geospatial dan Penetapan Kadar Caj Harga Data Digital Jabatan	35
LAMPIRAN 6	:	Borang PPNM – 1 (Pind. 1/2008); Permohonan Lesen Hak Cipta / Membeli Dokumen Geospatial Terperingkat	38

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dirangka untuk dijadikan sebagai rujukan pelaksanaan GIS di peringkat jabatan. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) sebagai pembekal data geospatial yang berkaitan dengan mineral dan geosains perlu menyediakan spesifikasi produk yang seragam untuk memastikan ianya memenuhi piawaian kualiti data bagi tujuan perkongsian.

1.1. Objektif

- a. Menyediakan panduan proses penjanaan peta di peringkat jabatan.
- b. Menyediakan prosedur atau tatacara yang jelas mengenai proses pengendalian data geospatial jabatan.
- c. Menetapkan satu piawaian kualiti data spatial yang perlu dipatuhi.
- d. Menetapkan mekanisme perkongsian data secara dalaman dan luaran.

1.2. Skop

Garis Panduan ini merangkumi prosedur bagi melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan pengendalian terhadap data geospatial yang dihasilkan oleh JMG. Ia adalah untuk memastikan pelaksanaannya mematuhi tatacara dan format yang telah ditetapkan bagi tujuan perkongsian data spatial.

1.3. Terminologi dan Definisi

Terminologi dan Definisi yang terkandung dalam Garis Panduan ini adalah berdasarkan kepada istilah yang digunakan secara umum dalam aplikasi GIS.

1.3.1 Data Geospatial

Data Geospatial bermaksud maklumat saintifik mengenai permukaan bumi dan penghuninya merangkumi foto udara, citraan penderiaan jauh, mozek, model paramuka berdigit, peta garisan, maklumat data geodesi dan pelan kadaster, kejuruteraan awam dan pelan seni bina.

1.3.2 Dataset

Suatu set data yang mempunyai tema atau atribut yang sama.

1.3.3 Fitur (Feature)

Fitur lazimnya terbahagi kepada 3 ciri iaitu titik, garisan dan poligon. Fitur ini mewakili gambaran sebenar butiran objek di atas peta.

1.4. Atribut (Attribute)

Atribut bermaksud ciri-ciri bagi sesuatu butiran.

1.4.1 Sistem Koordinat (Coordinate System)

Sistem koordinat juga dirujuk sebagai sistem unjuran. Terdapat 2 jenis sistem koordinat iaitu Sistem Koordinat Geografik (Unit Darjah Perpuluhan) dan Sistem Koordinat Terunjur (Unit selain Darjah Perpuluhan, lazimnya Meter). Sesuatu koordinat mengandungi maklumat datum dan lokasi dalam unit Darjah Perpuluhan (Decimal Degrees).

1.4.2 Datum

Datum adalah titik rujukan di atas bumi yang digunakan dalam pembinaan sesuatu Sistem Koordinat bagi sesebuah kawasan (negara, negeri, kawasan kajian atau lebih kecil). Datum bagi Semenanjung Malaysia adalah Kertau 1948 manakala bagi Borneo (Sabah dan Sarawak) pula adalah Timbalai 1948. Datum biasanya merujuk kepada bukit atau gunung yang terdapat di tengah-tengah sesuatu kawasan.

1.4.3 Nod (Node), Verteks (Vertex), Lapisan Data (Data Layer), pertindihan (Overlay), Anotasi (Annotation)

i. Nod (Node)

Nod merupakan titik persimpangan antara dua atau lebih garisan bertemu atau titik yang mewakili permulaan atau akhir sesuatu arka (arc).

ii. Verteks (Vertex)

Verteks merupakan sepasang koordinat x, y yang menunjukkan sesuatu bentuk fitur garisan atau poligon.

iii. Lapisan data (Data Layer)

Lapisan data diwakili oleh 1 fail SHP yang dipaparkan dalam skrin dengan menggunakan perisian GIS.

iv. Pertindihan (Overlay)

Pertindihan adalah satu keadaan di mana beberapa fitur wujud pada satu tempat yang sama. Pertindihan beberapa fitur mampu menggambarkan kaitan antara maklumat ruang (spatial) dan atribut yang terkandung dalam semua fitur terlibat. Pertindihan ini bertujuan menggabungkan maklumat sedia-ada untuk mendapatkan maklumat baru.

v. Anotasi (Annotation)

Anotasi merupakan penerangan terhadap sesuatu entiti pada peta secara spesifik yang memberi maklumat umum tentang sesuatu kawasan.

1.5. Norma Rujukan

Garis panduan dan juga standard yang diterbitkan oleh agensi berkaitan khususnya Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) telah dijadikan rujukan atas Garis Panduan ini.

2.0 KONVENSYEN PENAMAAN FAIL DAN KUALITI DATA GEOSPATIAL

Semasa penyediaan data geospatial bagi tujuan perkongsian, penamaan fail yang sistematis mengikut konvensyen yang telah ditetapkan adalah penting bagi mengelakkan kekeliruan. Di samping itu aspek kualiti data hendaklah sentiasa dijaga bagi menghasilkan maklumat yang mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

2.1 Penamaan fail secara sistematis

Penamaan fail perlulah menggambarkan isi kandungan sesuatu data geospatial yang terkandung di dalamnya.

Penamaan Fail (Fitur Geologi)

<Jenis Data><Tempat><lain-lain><Tarikh>.shp

Contoh; Geo_smjg_dec_12.shp

Tcm_png_442_Jan12.shp

- i. Jenis data - Contoh; geo (geologi), fault (sesar)
(rujuk Lampiran 4 : Penamaan fail_fitur)
- ii. Tempat - Contoh; smjg (Semenanjung), sbh (Sabah),
swk (Sarawak), tioman (Pulau Tioman), jhr (Johor)

- iii. Lain-lain - Contoh; Seismo, Kajian gambut, No. Blok
Pemetaan dan sebagainya (pilihan)
- iv. Tarikh - Contoh; Jan_12

2.2 Kualiti Data

Kawalan kualiti data geospatial adalah perlu dilaksanakan untuk menghasilkan data terbitan Jabatan yang memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Garis Panduan Penilaian Kualiti Data Spatial yang dikeluarkan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) hendaklah dijadikan sebagai dokumen rujukan.

2.2.1 Elemen Kualiti Data


Penilaian kualiti data geospatial mempunyai 5 elemen:

- a. Kesempurnaan
Kewujudan dan ketidakwujudan butiran, atribut dan hubungannya.
- b. Ketekalan logikal
Tahap pematuhan kepada peraturan logikal sesuatu struktur data, atribut dan hubungannya.
- c. Ketepatan posisi
Ketepatan bagi posisi sesuatu butiran.
- d. Ketepatan temporal
Ketepatan berkenaan tempoh masa bagi atribut dan tempoh hubungan antara atribut.
- e. Ketepatan tematik
Ketepatan bagi atribut kuantitatif, kebenaran bagi atribut bukan kuantitatif dan pengelasan bagi butiran serta hubungannya.


a) Ralat data vektor

- Lokasi titik betul
- Lokasi titik salah


● ←-----○
Ralat titik




Ralat garis (nod)




Data poligon sebenar




Ralat poligon pelik



Ralat tergantung
(tidak mengenai sasaran)




Ralat tergantung (melampaui)



Ralat poligon mericih

b) Ralat data raster



Rajah 1: *Data-entry spatial error* (Delaney, J. dan Van Neil, K., 2006).

2.2.2 Proses Suntingan Data

Proses suntingan data perlu mengambil kira aspek-aspek ketepatan, skala dan produk akhir yang memenuhi keperluan sebenar data yang diterbitkan.

a) Vector attribute errors

- name = 298

- name = Perth

- name = Cannington

Point data error

Attribute 'name' incorrectly given as a number

Type = highway

Type = Street

Type = Highway

Line data error

Attribute 'Type' inconsistent in capitalisation

Density = high



Polygon data error

Attribute spelling error

Density = low

Density = hig

b) Raster attribute generalisation




The larger cell size causes a loss of attribute information as a shed is too small to constitute more than 50% of the larger cell area.


Rajah 2: *Data-entry attribute errors* (Delaney, J. dan Van Neil, K., 2006).

2.2.3 Topologi


Topologi merupakan hubungkait secara geometri antara fitur (titik, garis dan poligon) dalam lapisan. Ianya mempunyai beberapa peraturan tertentu yang perlu dipatuhi bagi menghasilkan data yang berkualiti dan menepati keperluan sebenar dalam aplikasi GIS.



Rajah 3: Jenis-jenis topologi (ESRI, 2002b).



Rajah 4: Contoh peraturan-peraturan topologi (ESRI, 2011).

Rajah 5: *Topology error (Delaney, J. dan Van Neil, K., 2006).*

3.0 JENIS-JENIS DATA

3.1 Data Asas

Data yang diperolehi daripada sumber luaran yang digunakan sebagai data asas. Custodianship data tersebut hendaklah sentiasa dipelihara dan sebarang isu yang berkaitan dengannya hendaklah merujuk kepada Agensi Pembekal Data (APD) berkenaan.

Contohnya: jalan raya, sungai, persempadanan (antarabangsa, negeri, daerah, dan lain-lain)

3.2 Data Jabatan

Data yang berkaitan, hasil daripada semua aktiviti mineral dan geosains yang ditawan, dikumpul, dianalisis dan diterbitkan oleh Jabatan.

Metallic minerals		Remarks	DOMAIN?
Field name	Data type		
METAL_TYPE	String		
X	Long Integer		
Y	Long Integer		
LOCATION_NAME	String		
GRADE	String		
TONNAGE	Double		
LAND_STATUS	String		
STATUS	String		

* Jawatankuasa Semakan Peta Sumber Mineral

LANDSTATUS
INDIVIDUAL LANDS
FELDA
FOREST RESERVE
ALIENATED/STATE
ALIENATED
JUNGLE
SECONDARY JUNGLE
OIL PALM
EX-MINING LAND

Rajah 6: Contoh data model Mineral Berlogam.

Industrial minerals		DOMAIN?	DOMAIN	DOMAIN	
Field name	Data type	Remarks	LANDSTATUS	RES_TYPE	DEPSTATUS
COMMODITY	String	Name of mineral	INDIVIDUAL LANDS	MEASURED	MINED
LOCATION	String	Name of area / location	FELDA	INFERRRED	NOT MINED
DISTRICT	String	Name of district	FOREST RESERVE	INDICATED	
STATE	String	Name of state	ALIENATED/STATE		
LANDSTATUS	String	Status of land	ALIENATED		
RES_TYPE	String	Method of reserve determination	JUNGLE		
RESERVE_MT	Long Integer	Amount of reserve (million tonne)	SECONDARY JUNGLE		
DEPSIZE	Long Integer	Area of deposition (hectareage)	OIL PALM		
DEPSTATUS	String	Status of deposit exploitation	EX-MINING LAND		
X	Long Integer	X coordinate (RSO metre)	ALIENATED/STATE		
Y	Long Integer	Y coordinate (RSO metre)			

Rajah 7: Contoh data model Mineral Perindustrian.

tube_wells.shp		DOMAIN?	DOMAIN	
Field name	Data type	Remarks	WELL_USE	STATUS
WEEL_NO	String	Reg. no. of well	Abandoned	Active
STATE	String	Name of state	Agriculture	Inactive
DISTRICT	String	Name of district	Domestic	
LOCATION	String	Name of area / location	Exploration	
YIELD_M3_H	Double	Yield amount (cubic metre/hour)	Fisheries	
WELL_USE	String	Type of usage	Industrial	
OWNER	String	Name of company	Irrigation	
AQUIF_MAT	String	Type of host rock	Obervation	
WELL_DEPTH	Double	Overall depth of well (metre)	Production	
STATUS	String	Operational status	Public	
DYEAR	Double	Year of the drilling work	Test well	
EASTING	Double	X coordinate (RSO metre)	Unknown	
NORTHING	Double	Y coordinate (RSO metre)		
new	String	Type of host rock - redundant		

Rajah 8: Contoh data model Telaga Tiub.

GeoHazardLoc_LLL_YYYY		DOMAIN	DOMAIN	DOMAIN	DOMAIN	
Field name	Data type	Remarks	Project_Name	Work_Status	Map_Scale	State_Name
Project_Name	String	Engineering Geology Project Location Type	Major Rock Fall Occurrence	Work completed - Report published	10K	Perlis
DistrictMukimVillage	String	Nama of area	Landslide Investigation	Work completed - Report unpublished	25K	Pulau Pinang
Work_Status	String	Identifies the work status of a project		Work Completed - Report on draft	50K	Kedah
Map_Scale	String	Identifies the mapping base map's scale		Not complete yet - Filedwork ongoing	63K	Perak
Reporting_Year	String	Year of reporting			125K	Selangor
Malaysia_Plan	String	Number of Malaysia Plan			250K	Kelantan
State_Name	String	Name of the state			500K	Terengganu
					1M	Johor
						Pahang
						Wp Kuala Lumpur
						WP Labuan
						Sabah
						Sarawak
						WP Putrajaya
						Melaka

Rajah 9: Contoh data model lokasi Geobencana.

4.0 KELAS FITUR (TITIK, GARIS, POLIGON)

Dalam GIS, objek sebenar di bumi diwakili oleh tiga kelas fitur utama iaitu titik, garis dan poligon. Fitur titik mewakili lokasi atau titik pusat. Fitur garis mewakili sempadan, orientasi, garisan atau kepanjangan. Poligon mewakili kawasan, ruang atau keluasan.

4.1 Penggunaan Lazim Kelas Fitur mengikut Jenis Fitur Mineral dan Geosains


Dalam peta berkaitan mineral dan geosains, objek yang boleh dipetakan di lapangan akan dilakar dengan menggunakan kelas fitur yang sesuai agar dapat menggambarkan kewujudan sebenar di lapangan. Pemilihan kelas fitur yang sesuai pula bergantung kepada skala kerja pemetaan yang dijalankan.

- i. Titik - jurus, foliasi, fosil, lokasi sampel, longgokan*, telaga tiub dan lain-lain.
- ii. Garis - sesar, lipatan, sempadan litologi, jaluran batu arang dan lain-lain.
- iii. Poligon - kawasan atau blok kajian, litologi*, anomali, sektor pemineralan, singkapan*, longgokan*, formasi, rejahan dan sebagainya.


Nota: Fitur bertanda (*) boleh dilakar dengan menggunakan satu atau lebih kelas fitur mengikut kesesuaian.

Pemilihan kelas fitur yang sesuai bergantung kepada skala kerja pemetaan yang dijalankan.

Lapisan GIS dalam peta hendaklah mengikut susunan yang disarankan seperti yang ditunjukkan pada Lampiran 1.



Rajah 10: Fitur vektor (Sutton et al., 2009).



Rajah 11: Accuracy and precision (Delaney and Van Neil, 2006).

5.0 FORMAT DATA

Terdapat tiga jenis data asas yang boleh diguna atau dihasilkan melalui perisian GIS iaitu vektor, raster dan data berjadual (tabular).

5.1 Data Vektor

Vektor adalah merujuk kepada tiga kelas fitur utama iaitu titik, garis dan poligon. Data vektor terdiri dari nod dan verteks serta mempunyai maklumat berjadual yang dibaca mengikut lajur dan baris. Jarak antara nod dan verteks menggambarkan resolusi X, Y kepada data vektor. Maklumat berjadual dalam vektor pula mengandungi penerangan bagi setiap fitur yang dirujuk sebagai atribut.

Format bagi data vektor berbeza-beza mengikut pengeluar setiap perisian. Antaranya:

- ArcGIS Desktop atau ArcView - .shp,
- ArcGIS Workstation - .arc,
- MapInfo - .tab, dan
- SuperGeo - .geo

Dalam garis panduan ini, format data vektor yang akan dibincangkan ialah ESRI Shapefile (.shp) yang digunakan dalam perisian ArcGIS Desktop. Sumber utama data vektor ialah daripada proses penditan.

Bagi tujuan perkongsian, secara umumnya format data akhir atau GIS-Ready hendaklah menggunakan format ESRI Shapefile (.shp).

5.2 Data Raster

Raster boleh dirujuk sebagai imej. Data raster terdiri daripada jujukan piksel yang disusun mengikut lajur dan baris. Saiz piksel menggambarkan resolusi bagi sesebuah imej. Setiap piksel mempunyai nilai dan boleh dianggap sebagai atribut bagi imej tersebut.

Format lazim bagi data raster berbeza-beza mengikut pengeluar perisian. Perisian piawai yang digunakan di peringkat JMG adalah:

- GIS ArcGIS
 - Rupa bumi, peta anomali – ESRI Grid
- Penderiaan Jauh ERDAS dan ENVI
 - Imej – IMG (ERDAS), HDR (ENVI)

Format lazim bagi data antaranya adalah:

- Format Data Akhir atau GIS-Ready (untuk tujuan perkongsian)
 - IMG, GeoTIFF, JPW, dan lain-lain (dengan koordinat terunjur)
 - JPEG, TIF, BMP, PNG, EMF, EPS, AI dan lain-lain (tanpa koordinat terunjur)

Sumber utama data raster ialah daripada imej penderiaan jauh atau dijana melalui proses pengridan pelbagai jenis data vektor. Imej penderiaan jauh dihasilkan oleh rakaman gambar dengan menggunakan kamera berprestasi tinggi atau sensor yang terletak di atas suatu platform. Platform ini biasanya diwakili oleh satelit atau kapal terbang.

5.3 Data Berjadual atau Tabular

Data berjadual atau tabular merujuk kepada teks dan nombor yang disusun dalam bentuk lajur dan baris, mirip kepada atribut yang terdapat dalam data vektor yang mempunyai nombor pengenalan (ID) masing-masing. Teks dan nombor ini boleh mewakili objek spatial atau bukan spatial. Objek spatial adalah objek yang boleh dipetakan manakala objek bukan spatial tidak boleh dipetakan. Contoh objek spatial ialah telaga tiub (titik) dan unit batuan (poligon). Objek bukan spatial pula ialah jumlah luahan dari telaga tiub dan usia bagi unit batuan. Data berjadual yang mengandungi maklumat koordinat X, Y boleh terus diplot dalam perisian bagi menghasilkan data spatial. Bagi data yang tiada maklumat koordinat, ianya boleh dijalinkan dengan data spatial jika mempunyai ID yang sama atau setara.

- **MS Excel / MS Access / Delimited Text**

- i. Koordinat X (Ketimuran / Easting) dan Y (Keutaraan / Northing) hendaklah sekurang-kurangnya 2 TITIK PERPULUHAN (bagi RSO / Meter) atau 6 TITIK PERPULUHAN (bagi Longitud, Latitud / Darjah Perpuluhan)

Contoh:

Koordinat X,Y = 457838.30, 593857.51 (Meter) atau
 Koordinat X,Y = 103.394093, 3.049587 (Darjah Perpuluhan)

ii. Bagi setiap pemasukan maklumat dalam data berjadual / tabular, beberapa langkah perlulah diambil:

- Ruang antara perkataan diisi dengan garis bawah (_)

Contoh:

Jika nama kolumn adalah Nama Tempat, ditulis sebagai Nama_Tempat atau Nama_tempat

- Jenis lajur / kolumn ditetapkan sama dalam bentuk Teks (Alpha), Nombor (Numeric) atau gabungan kedua-duanya (Alphanumeric)
- Butiran atribut yang dimasukkan tidak mengandungi ruang aksara (space) di awal dan akhir. Jika tidak, pemasukan maklumat akan dianggap sebagai 2 entiti yang berlainan.

Contoh:

Nama lajur / kolumn = Usia_batuan, ditafsir sebagai Mesozoik

Pemasukan 1: <ruang>Mesozoik - Salah

Pemasukan 2: Mesozoik - Betul

	Vector data representation	Raster data representation	Triangulated data representation
Focus of model	Vector data is focused on modeling discrete features with precise shapes and boundaries.	Raster data is focused on modeling continuous phenomena and images of the earth	Triangulated data is focused on an efficient representation of a surface that can represent elevation or other quality, such as concentration.
Sources of data	Compiled from aerial photography Collected from GPS receivers Digitized from map manuscripts Sketched on top of raster display Vectorized from raster data Contours from triangulation Reduced from survey field data Imported from CAD drawings	Photographed from an airplane Imaged from a satellite Converted from a triangulation Rasterized from vector data Scanned blueprints, photographs	Compiled from aerial photography Collected from GPS receivers Imported points with elevations Converted from vector contours
Spatial storage	Points stored as x,y coordinates. Lines stored as paths of connected x,y coordinates. Polygons stored as closed paths.	From a coordinate in the lower-left corner of the raster and cell height and width, each cell is located by its row and column position.	Each node in a triangle face has an x,y coordinate value.
Feature representation	Points represent small features. Lines represent features with a length but small width. Polygons represent features that span an area.	Points features are represented by a single cell. Line features are represented by a series of adjacent cells with common value. Polygon features are represented by a region of cells with common value.	Point z value determine the shape of a surface. Breaklines define changes in the surface such as ridges or streams. Areas of exclusion define polygons with the same elevation.
Topological associations	Line topology keeps track of which lines are connected to a node. Polygon topology keeps track of which polygons are to the right and left sides of a line.	Neighboring cells can be quickly located by incrementing and decrementing row and column values.	Each triangle is associated with its neighboring triangles.
Geographic analysis	Topological map overlay Buffer generation and proximity Polygon dissolve and overlay Address geocoding Network analysis	Spatial coincidence Proximity Surface analysis Dispersion Least-cost path	Elevation slope, aspect calculations Contour derivation from surface Volume calculations Vertical profiles on alignments Viewshed analysis
Cartographic output	Vector data is best for drawing the precise shape and position of features. It is not well suited for continuous phenomena or features with indistinct boundaries.	Raster data is best for presenting images and continuous features with gradually varying attributes. It is not generally well suited for drawing point and line features.	Triangulated data is best for rich presentation of surface. This data can be viewed by using color to show elevation, slope, or aspect or in a three-dimensional perspective.

Rajah 12: Perbandingan gambaran data spatial (Zeiler, M., 1999)

6.0 SISTEM RUJUKAN KOORDINAT

Sistem Rujukan Koordinat (Coordinate Reference System – CRS) adalah merupakan satu konfigurasi titik-titik kawalan yang dijadikan sebagai rujukan berdasarkan suatu datum. Ianya juga dikenali sebagai Sistem Rujukan Spatial (Spatial Reference System – SRS). Sistem koordinat umumnya terbahagi kepada 2 jenis iaitu Sistem Koordinat Geografik (Geographic Coordinate System – GCS) dan juga Sistem Koordinat Terunjur (Projected Coordinate System – PCS). GCS menggunakan unit darjah (atau gradian) dalam pengukuran manakala PCS pula menggunakan unit metrik (meter, sentimeter, milimeter) atau empirik (inci, kaki, rantai, dan lain-lain).

6.1 Penetapan Datum

Datum ialah suatu set parameter yang menyatakan kedudukan titik asalan, faktor skala dan orientasi sesuatu sistem koordinat.

Datum yang bersifat global atau universal menggunakan titik tengah bumi sebagai titik asalan manakala datum yang bersifat tempatan pula lazimnya menggunakan titik asalan selain titik tengah bumi. Titik tengah bumi yang dimaksudkan pula merujuk kepada titik tengah model bumi yang berbentuk sferoid / elipsoid.

Model sferoid bumi yang lazim bagi para pengguna di Malaysia adalah seperti World Geodetic System 1984 - WGS84, Geodetic Reference System 1980 - GRS80 (bersifat universal) dan Everest 1830 Modified – Modified Everest, Everest Definition 1967, Everest Definition 1969, Geocentric Datum of Malaysia 2000 – GDM2000 (bersifat tempatan).

6.2 Sistem Koordinat Geografik Latitud dan Longitud (Lat / Long)

Sistem Koordinat ini lazimnya digunakan dalam penghasilan peta indeks dan peta laporan untuk menunjukkan lokasi objek atau kawasan di atas sfera bumi secara umum. Oleh itu, sistem ini dikelas sebagai Sistem Koordinat Sferikal. Koordinat sesuatu objek dalam sistem ini ditentukan dengan merujuk kedudukan relatif objek tersebut dengan garisan Latitud (arah Utara – Selatan) dan Longitud (arah Timur – Barat).

Nilai koordinat ini lazimnya dinyatakan dalam bentuk: (Latitud° U, Longitud° T) dengan menggunakan unit Darjah seperti jadual berikut:

a. Darjah Perpuluhan°	Latitud (U)	YY.YYYYYYY° : 6 titik perpuluhan (arah Utara) +90 > Julat Y > -90 (arah Selatan)
	Longitud (T)	XXX.XXXXXXX° : 6 titik perpuluhan (arah Timur) +180 > Julat X > -180 (arah Barat)
b. Darjah° Minit' Saat"	Latitud (U)	YY° YY' YY.YY" : 2 titik perpuluhan
	Longitud (T)	XXX° XX' XX.XX" : 2 titik perpuluhan

6.2.1 Lat / Long (Datum Kertau 1948)

Sistem koordinat ini menggunakan datum Kertau 1948 dan sferoid rujukan Modified Everest berdasarkan sistem Malaysian Revised Triangulation (MRT) yang ditetapkan dalam rangkaian geodetik di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan stesen rujukan Malaysia Active GPS System (MASS) yang terletak di Kertau, Pahang.

6.2.2 Lat / Long (Datum Timbalai 1948)

Sistem koordinat ini menggunakan datum Timbalai 1948 dan sferoid rujukan Everest 1830 Modified berdasarkan sistem Borneo Triangulation 1968 (BT68) yang ditetapkan dalam rangkaian geodetik di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan stesen rujukan MASS yang terletak di Bukit Timbalai, Labuan.

Set parameter datum / sferoid seperti pada jadual berikut:

No.	Parameter	MRT	BT68
1.	Reference Ellipsoid	Modified Everest	Modified Everest
2.	Origin	Kertau, Pahang	Timbalai, Labuan
